


MERUNGKAI ISU KEWANGAN

Sediakan payung sebelum hujan untuk anak berkeperluan khas



DANA AMANAH SNTC: Penting untuk ibu bapa membuka akaun untuk anak berkeperluan khas supaya keperluan kewangan mereka terjamin sepanjang hayat.— Foto ISTOCKPHOTO

BERSAMA



NORHAIZA HASHIM
norhaiza@sph.com.sg
Penolong Kepada Editor

SELEPAS ibu bapanya meninggal dunia, Rayyan (bukan nama sebenar), yang mempunyai kecacatan inteleg, perlu tinggal di rumah jagaan.

Tetapi, beliau yang berusia 40 tahun itu mempunyai masalah kerana tidak dapat membayar kos rumah jagaan itu walaupun ibu bapanya telah meninggalkannya sebuah flat HDB tiga bilik.

Saudara-mara bapanya telah berpindah ke flat itu, jadi beliau tidak boleh menjual flat tersebut.

Nasib baik, sepupunya masuk campur dan berjaya memohon ke mahkamah untuk dilantik sebagai ‘deputy’ atau pengamanah. Ini bermakna sepupu Rayyan boleh membuat keputusan tertentu bagi pihak beliau, termasuk menjual flat itu.

Jumlah \$300,000 hasil penjualan flat itu lalu dimasukkan ke dalam dana amanah yang diuruskan oleh Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC).

Selain yuran bulanan bagi rumah jagaan itu, perbelanjaan lain juga boleh dikeluarkan daripada amanah itu berdasarkan pelan penjagaan terperinci yang dilakarkan oleh pengurus kes SNTC dan sepupu Rayyan.

Membentuk amanah SNTC adalah baik untuk Rayyan agar keperluan kewangan jangka panjangnya terjamin.

Membuat perancangan bagi anak-anak berkeperluan khas adalah sangat penting memandangkan anak-anak berkeperluan khas selalunya tidak dapat mengurus kewangan mereka dan mereka mungkin hidup lebih lama daripada penjaga mereka.

Oleh itu, wang yang bertujuan untuk penjagaan mereka harus diuruskan dengan sebaiknya oleh profesional yang boleh dipercayai. Mereka akan membantu mentadbir dan melindungi dana yang diperuntukkan untuk golongan yang berkeperluan khas.

SNTC ialah satu-satunya syarikat amanah bukan mencari untung di Singapura yang dibentuk untuk meningkatkan keselamatan kewangan dan kesejahteraan golongan berkeperluan khas melalui penyediaan perkhidmatan amanah. Ia kini memberi perkhidmatan kepada lebih 900 penerima.

Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) telah bekerjasama dengan SNTC untuk memperkenalkan Skim Dana Amanah Keperluan Khas Muis yang dilanjutkan untuk tempoh dua tahun lagi sehingga hujung 2023.

Lanjutan itu akan membolehkan lebih ramai keluarga dengan kanak-kanak berkeperluan khas meraih manfaat daripada daya usaha bantuan kewangan itu, sebagai sebahagian daripada usaha bersama masyarakat dalam membina sebuah masyarakat yang lebih prihatin dan inklusif.

Sejak ditubuhkan pada 2019, sebanyak 38 akaun amanah dibentuk, menurut jurucakap Muis kepada *Berita Minggu* (BM).

Keluarga yang layak akan menerima modal awal untuk membuka akaun dana amanah dengan SNTC.

Sejak 2019, Muis telah memperuntukkan \$1 juta untuk menyokong usaha ini, menawarkan sehingga \$10,000 kepada setiap akaun dana amanah bagi keluarga yang layak.

Ini kerana SNTC memerlukan wang pendahuluan \$5,000 untuk membentuk akaun dana amanah tersebut.

Selepas itu, SNTC boleh bekerjasama dengan ibu bapa untuk memindahkan wang yang dipersetujui.

Wang itu biasanya adalah dari simpanan, penjualan hartanah atau pampasan insurans selepas ibu bapa mereka meninggal dunia.

Pengurus besar SNTC, Cik Esther Tan memberitahu BM bahawa bagi kes-kes yang dikendalikan SNTC melibatkan keluarga Muslim, kebanyakan mereka mahu anak berkeperluan khas itu kekal di flat yang mereka diami apabila ibu bapa meninggal dunia.

“Oleh kerana keluarga mereka besar, mereka ingin anak istimewa itu terus tinggal di flat misalnya bersama adik beradik. Jadi, flat itu tidak dapat dijual agar hasilnya dimasukkan ke akaun SNTC bagi membiayai keperluan anak istimewa itu. Satu cara ialah bagi ibu bapa membeli pelan insurans bertempoh yang dikendalikan oleh Great Eastern yang memberikan pampasan yang boleh dimasukkan ke dalam akaun SNTC apabila ibu bapa itu meninggal dunia,” katanya.

Great Eastern Cares Term Plan membolehkan ibu atau/dan bapa membeli pelan itu

CARA SERTAI SKIM DANA AMANAH KEPERLUAN KHAS MUIS

- 1) Hubungi Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC) untuk mengatur janji temu dengan Pengurus Kes. Hubungi talian 6278-9598.
- 2) Ibu bapa/penjaga individu berkeperluan khas harus mengunjungi SNTC.
- 3) SNTC akan mengendalikan penilaian keperluan menyeluruh, mengenal pasti kelayakan skim tersebut dan membentuk Rancangan Penjagaan.
- 4) Apabila permohonan diluluskan, Muis akan deposit \$5,000 bagi setiap akaun dana amanah yang dibuka.
- 5) Ibu bapa/penjaga menyuntik aset sendiri ke dalam akaun dana amanah tersebut.
- 6) Muis akan memadamkan jumlah yang disuntik sehingga \$5,000 bagi setiap akaun berdasarkan jumlah yang disalurkan.

KRITERIA KELAYAKAN:

- 1) Individu yang bakal meraih manfaat daripada dana amanah itu perlu menepati definisi SNTC berkaitan “individu berkeperluan khas” seperti mana diluluskan oleh Pejabat Pemegang Amanah Awam (PTO) Singapura.
- 2) Pendapatan keluarga tidak boleh melebihi \$8,000 dengan pendapatan per kapita tidak melebihi \$2,000.
- 3) Ibu bapa/penjaga yang akan menyalurkan aset ke akaun tersebut perlu berusia 21 tahun ke atas dan tidak mufliis.
- 4) Penerima manfaat dana amanah beragama Islam.
- 5) Penerima manfaat dana amanah adalah warga Singapura atau penduduk tetap di Singapura.

yang akan mengeluarkan pampasan sekurang-kurangnya \$100,000 kepada akaun SNTC apabila ibu atau bapa itu meninggal dunia.

Bagi seorang ibu berusia 30 tahun yang tidak merokok, premium adalah \$206 setahun.

Dengan wang pampasan itu, ia akan dimasukkan ke dalam akaun SNTC untuk membiayai keperluan anak istimewa itu.

Keluarga berpendapatan rendah yang menghadapi masalah mengumpulkan wang pendahuluan boleh juga memberitahu SNTC kerana SNTC mempunyai skim tajaan ‘Gift of A Lifetime’ bagi penerima yang layak.

Ibu bapa juga boleh menggunakan dana Tabung Simpanan Pekerja (CPF) dan membuat nominasi skim simpanan keperluan khas bagi membayar jumlah bulanan tetap bagi penerima, dari membayar wang sepukal apabila mereka meninggal dunia.

Berita Harian
Segalanya Di Hujung Tari Anda

Tonton video, dengar *podcast* dan baca semua laporan penting di Berita Harian tanpa had



SATU DIGITAL BH
Hanya **\$6.90** sebulan



Dapatkan 6 keping baucar wayang Shaw bernilai \$63 apabila anda langgani dengan kontrak 12 bulan, atau 2 keping baucar bernilai \$21 dengan kontrak 6 bulan.



CIRI-CIRI UTAMA



Akses kepada semua artikel di bh.sg



Baca melalui aplikasi BH menerusi 1 peranti



Akses e-akhbar dengan arkib 2-minggu



Imbas kod QR, kunjungi **bhsb.sph.com.sg/Shaw** atau hubungi **6388 3838** untuk melanggan.

Tertakluk pada terma dan syarat. Talian Khidmat Pelanggan kami tersedia dari Isnin hingga Jumaat, 8.30pg hingga 6 petang, tidak termasuk cuti umum.